



**JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA,
JALAN DATO' ONN,
50502 KUALA LUMPUR.**

Telefon: 2321957

KAWAT: PERDANA

Ruj. Kami: PM.(S)10034
Jld.IV/(50)

Tarikh: 27 Januari, 1987.

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian.

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan.

Ketua-Ketua Badan Berkanun/Kuasa Tempatan.

SURAT PEKELILING AM BIL. 1 TAHUN 1987

Penukaran Nama Pusat Penyelarasan Khidmat
Kontraktor-Kontraktor Bumiputera (PUSAKABUMI),
Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan
Perdana Menteri kepada Pusat Khidmat
Kontraktor (PKK) Unit Penyelarasan
Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri

1. TUJUAN

1.1. Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Kementerian/Jabatan/Badan-Badan Berkanun dan Kuasa-Kuasa Tempatan mengenai penukaran nama Pusat Penyelarasan Khidmat Kontraktor-kontraktor Bumiputera (PUSAKABUMI), Unit Penyelarasan

Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri kepada Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.

2. LATAR BELAKANG

2.1. PUSAKABUMI telah ditubuhkan pada tahun 1981 dan tujuan asal penubuhannya ialah untuk memberi perkhidmatan nasihat dan bimbingan kepada kontraktor-kontraktor kerja dan elektrik bertaraf Bumiputera. Pada tahun 1984, Kerajaan telah meluaskan tanggungjawab PUSAKABUMI iaitu menjadikannya sebagai Pusat Pendaftaran untuk semua kontraktor kerja dan elektrik dan juga sebagai Pusat Rujukan bagi profail kontraktor-kontraktor yang berkenaan. Di samping itu PUSAKABUMI terus mengekalkan tanggungjawab memberi perkhidmatan nasihat dan bimbingan kepada kontraktor-kontraktor kerja dan elektrik yang bertaraf Bumiputera yang menghadapi masalah-masalah kontrak seperti bayaran lewat, kesukaran mendapatkan bahan binaan dan sebagainya dengan Kementerian/Agensi Kerajaan yang tidak mempunyai Unit Penyertaan Bumiputeranya sendiri.

2.2. Selaras dengan perluasan tanggungjawab PUSAKABUMI, maka keputusan telah dibuat untuk menukarkan nama PUSAKABUMI kepada Pusat Khidmat Kontraktor.

3. TARIKH KUATKUASA

3.1. Penukaran nama ini adalah berkuatkuasa mulai dari lhb. Januari, 1987. Semua Kementerian/Jabatan/Badan-Badan Berkanun dan Kuasa-Kuasa Tempatan hendaklah menggunakan nama baru ini dalam surat-menyurat dan lain-lain perhubungan dengan Pusat itu mulai dari tarikh tersebut.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



(TAN SRI DATO' SALLEHUDDIN BIN MOHAMED)
KETUA SETIAUSAHA NEGARA

s.k.

Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri.